



**KENYATAAN MEDIA
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**SITUASI BANJIR DI JOHOR – KESIAPSIAGAAN PASUKAN
PENYELAMAT DIPERTINGKAT DI KAWASAN BERISIKO TINGGI**

21 Mac 2025 - Pusat Kawalan Bencana Negara, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah melaporkan sehingga pukul 12 tengah hari tadi, jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di PPS di negeri Johor adalah seramai 10,851 orang, berbanding 753 orang pada 20 Mac 2025. Ia melibatkan pembukaan 93 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di lima (5) daerah. Daerah yang mencatatkan jumlah mangsa tertinggi adalah Johor Bahru (4,319) dan diikuti dengan daerah Kluang (2,191), Kota Tinggi (1,762), Pontian (1,422) dan Kulai (1,157).

Susulan itu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah menggerakkan aset pengoperasian bagi memastikan tindakan mencari dan menyelamatkan mangsa dapat dilakukan sebaiknya. Untuk negeri Johor, seramai 8,289 anggota yang bertugas dan dari segi aset, JPBN telah menyediakan sebanyak 206 buah bot, 157 buah SUV/van, 91 buah lori, 15 buah ambulans, 2 (dua) buah pesawat udara dan 1 (satu) dron untuk operasi banjir bagi negeri Johor.

NADMA juga telah mengeluarkan Notis Kesiapsiagaan Operasi Bencana pada 18,19 dan 21 Mac 2025 kepada Jawatankuasa Pengurusan Negeri dan Daerah apabila Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) mengeluarkan amaran hujan berterusan. Notis ini bertujuan untuk meningkatkan kesiapsiagaan bagi menghadapi bencana yang bakal berlaku di kawasan berisiko.

Tambahan pula, negara kita dijangka akan memasuki fasa peralihan monsun di mana keadaan ini boleh menggalakkan pembentukan awan ribut petir yang boleh mengakibatkan kejadian hujan lebat beserta angin kencang dalam tempoh masa yang singkat. Apa yang membimbangkan kita ialah fenomena ini boleh menyebabkan banjir kilat dan kerosakan pada

struktur yang tidak kukuh.

Kerajaan Persekutuan melalui NADMA juga telah menyalurkan dana Monsun Timur Laut (MTL) bagi tahun 2024/2025 dan sepanjang tahun 2025 sebanyak RM50.61 juta untuk membantu mangsa-mangsa banjir di Johor. Ini termasuklah RM50 juta untuk Bantuan Wang Ihsan (BWI), RM500 ribu untuk pengurusan Pengoperasian Bencana dan RM114,609.00 untuk penyelenggaraan PPS.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat, saya menzahirkan rasa simpati terhadap para penduduk yang terjejas banjir di daerah Johor Bahru, Kluang, Kota Tinggi, Pontian dan Kulai, Saya berharap semua mangsa banjir terus diberi kekuatan dan kesabaran, apatah lagi dalam musim persiapan menyambut Aidilfitri.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak serta komuniti setempat yang bertungkus lumus membantu mangsa banjir serta menghulurkan bantuan dan sumbangan dalam pelbagai bentuk bagi meringankan beban mangsa. Termasuklah juga kepada NGO² di bawah RakanNADMA seperti Pertubuhan Ihsan Johor dan Southern Volunteers yang telah menggerakkan seramai 200 orang sukarelawan yang memberi tumpuan kepada bantuan segera makanan dan lain-lain bantuan berjumlah RM175ribu.

Bagi mengurangkan risiko kehilangan nyawa akibat fenomena cuaca ini, saya memohon kepada semua pihak berkuasa termasuklah pejabat daerah dan agensi tindakbalas agar membuat pemantauan rapi kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Saya juga ingin menasihati orang ramai agar sentiasa berwaspada dan peka dengan perubahan cuaca sekarang sebelum merancang sebarang aktiviti terutamanya di musim perayaan yang bakal tiba tidak lama lagi.

Untuk mengetahui laporan terkini dan sahih berkaitan bencana, orang ramai boleh layari www.portalbencana.nadma.gov.my

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah
Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat